

<p><b>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – PEMILIK RUMAH &amp; PENGHUNI RUMAH</b>          (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Polisi Pemilik Rumah &amp; Penghuni Rumah</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang dinyatakan di dalam polisi).</p>	<p><b>Rujukan Kami : 01/01/2010</b>          Nama Penawar Khidmat          Kewangan : <b>Uni.Asia General Insurance Bhd.</b>          Nama Produk : <b>Pemilik Rumah &amp; Penghuni Rumah</b>          Tarikh :</p>
---	---

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini terbahagi kepada dua seksyen:

- Seksyen I memberikan perlindungan ke atas bangunan anda sahaja. Ia memberi perlindungan daripada kerugian atau kerosakan akibat daripada kebakaran, kilat, letupan, banjir, serta sebarang peril yang dinyatakan di dalam polisi insurans.
- Seksyen II memberikan perlindungan ke atas kandungan isi-rumah anda. Ia memberi perlindungan daripada kerugian atau kerosakan akibat daripada kebakaran, letupan, kilat, banjir, serta sebarang peril yang dinyatakan di dalam polisi insurans.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

Polisi ini memberikan perlindungan ke atas:

- Seksyen I memberi perlindungan ke atas:
  - Kerugian atau kerosakan pada bangunan anda disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik;
  - Kerugian atau kerosakan pada bangunan anda disebabkan oleh kapal terbang, kenderaan darat atau haiwan, paip atau tangki air yang pecah atau melimpah, kecurian, ribut, gempa bumi dan banjir; dan
  - Kerugian sewa.
- Anda boleh melanjutkan perlindungan untuk risiko-risiko berikut dengan membayar premium tambahan:
  - Penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan akibat dari perbuatan jahat; dan
  - Liabiliti terhadap pihak ketiga untuk kemalangan yang berlaku di dalam rumah anda.
- Seksyen II memberi perlindungan untuk perabut, barangan kegunaan rumah, peralatan elektrik, perkakas dapur, pakaian, barangan peribadi dan berharga.
- Pilihan manfaat yang boleh didapati dengan membayar premium tambahan ialah kerosakan pada mangga serta kos penggantian kunci, wang tunai, barang kemas, emas, barangan perak, isi kandungan rumah yang berada di luar rumah untuk sementara waktu, cermin terpecah, insurans kematian, kerugian sewa dan liabiliti awam.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?**

Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat insurans tersebut. Sebagai contoh:

Untuk Seksyen I:

Perlindungan Asas : Jumlah premium sebanyak RM106.00 bagi jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM100,000 untuk bidang pembinaan Kelas 1A.

Perlindungan

Tambahan : RM10.00 (Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Akibat Perlakuan Jahat).

Anggaran jumlah premium yang perlu dibayar ialah: **RM116.00**

Untuk Seksyen II:

Perlindungan Asas : Jumlah premium sebanyak RM 79.60 bagi jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM 20,000 untuk bidang pembinaan Kelas 1A.

Perlindungan Tambahan : RM 50.00 (Perlindungan Tambahan Terhadap Kecurian).

Anggaran jumlah premium yang perlu dibayar ialah: **RM129.60**

Bayaran minimum premium kepada Syarikat ialah **RM60.00**.

**4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	15 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00

**5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?**

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- Tanggungjawab Untuk Memberitahu** – Anda mesti memberikan semua fakta di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.
- Anda mesti memastikan bahawa hartanah anda **diinsuranskan dengan jumlah yang bersesuaian**. Untuk Seksyen I, anda perlu memastikan bahawa nilai hartanah anda adalah termasuk jumlah kos pengubahsuaian yang telah dilakukan.
- Bagi Seksyen II, **lebih untuk kecurian** yang disertakan dengan kemasukkan secara paksa ialah 1 peratus daripada Jumlah yang Diinsuranskan atau RM250.00 yang mana lebih rendah.

**6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?**

Polisi ini tidak memberi perlindungan atas kerugian tertentu, contohnya:

- Kerugian/ kerosakan disebabkan oleh peperangan, aktiviti pengganas, pencemaran radioaktif dan letupan sonik.
- Rumah ditinggalkan kosong melebihi 90 hari.
- Kecederaan yang membawa maut kepada orang yang diinsuranskan di luar Kediaman Peribadi.

*(Nota : Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian bagi polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik untuk premium berdasarkan kepada kadar jangka-pendek, di mana sebarang bayaran minimum premium bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

**8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada butiran surat-menyurat saya?**

Adalah penting bagi anda memberitahu kami jika terdapat sebarang perubahan pada butiran surat-menyurat anda. Ini adalah untuk memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat dapat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

**9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk pada naskhah *insuranceinfo* berkenaan 'Insurans Pemilik Rumah / Penghuni Rumah', yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Uni.Asia General Insurance Berhad**  
**Tingkat 9, Menara Uni.Asia,**  
**1008, Jalan Sultan Ismail,**  
**50250 Kuala Lumpur.**  
**Talian Bebas Tol: 1-800-888-990**  
**Tel : 03-2693 8111**  
**Faks : 03-2693 0111**  
**[www.uniasiageneral.com.my](http://www.uniasiageneral.com.my)**

**10. Insurans Pemilik Rumah & Penghuni Rumah lain yang boleh didapati:**

Insurans Pemilik Rumah & Penghuni Rumah lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Polisi Kebakaran Asas.
- Polisi Pemilik Rumah.
- Polisi Penghuni Rumah.

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTANAH ANDA TELAH DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang dinyatakan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula pada Januari 2010.